

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA MPSP
BM CHARITY RIDE 2
DI KOMPLEKS SUKAN JALAN BETEK, SPT
13 NOVEMBER 2016 (AHAD), 9.30 PAGI**

Yang Berhormat Puan Chong Eng

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Belia & Sukan, Pembangunan

Wanita, Keluarga & Komuniti

Yang Berhormat Tuan Lee Khai Loon

ADUN Machang Bubok

Yang Berhormat Tuan Steven Sim Chee Keong

Ahli Parlimen Bukit Mertajam

Para Penaja, wakil PIBG sekolah, wakil media dan para peserta yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Izinkan saya bagi pihak pengajur mengalu-alukan penyertaan anda dalam Kayuhan Amal Bukit Mertajam 2.0. Terima kasih kerana sudi menjemput saya untuk bersama dalam program kecergasan pada pagi ini.

Objektif penganjuran Kayuhan Amalan ini adalah untuk menggalakkan konsep kehijauan alam sekitar, amalan kebaktian masyarakat serta mengeratkan hubungan komuniti.

YB-YB, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya difahamkan bahawa pada hari ini pihak penganjur telah menyediakan program-program dari Magnum, Astro , 120 arnab yang comel dari Two Studio, serta tarian daripada JNS Make Up Dance Group dan lain-lain lagi.

Bagi pihak penganjur, saya ingin memberi penghargaan kepada peniaga dan persatuan yang memberi bantuan dan sumbangan. Keuntungan dari program kayuhan amal ini akan derma kepada 11 buah SRJK(Cina), 1 buah SK dan 1 SRJK(Tamil) PIBG, setiap RM 1000 dan sebanyak 130 pelajar dari keluarga berpendapatan rendah akan menerima RM150 setiap pelajar (Jumlah keseluruhan adalah RM 34,500.00).

YB-YB, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pada pagi ini penyertaan Kayuhan Amal BM 2.0 telah mencapai satu rekod dimana sebanyak 1300 peserta mengambil bahagian. Ia termasuk peserta dari Sabah dan Sarawak lain-lain.Kita juga mendapat penyertaan dari luar negara dari India ,Mexico, Thailand dan France. Saya berharap pada tahun hadapan program ini dapat menarik lebih ramai peserta.

Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Penang Cycling Association yang memberikan sokongan kepada program pagi ini.

Sekian, terima Kasih.